

Seri Paduka, Permaisuri hadiri santapan diraja

BH 27 APR 20

KUALA LUMPUR, Jumaat – Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berangkat menghadiri majlis santapan diraja di Istana Negara di sini, malam ini.

Ia diadakan sempena pertabalan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 dalam istiadat gilang gemilang penuh tradisi semalam.

Majlis santapan itu turut dihadiri Raja-raja Melayu dan Sultan Hassanah Bolkiah dari Brunei. Johor diwakili Tengku Mahkota manakala Perlis oleh Pemangku Raja Perlis.

Hadir sama ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri Kabinet, duta-duta asing dan pegawai kanan kerajaan.

Tuanku Syed Sirajuddin, 58, dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong berikutan kemangkatan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 21 November tahun lalu.

Pagi tadi, Seri Paduka berdua meraikan lebih 1,000 kanak-kanak dari 50 sekolah di sekitar Kuala Lumpur

dan Selangor pada majlis jamuan teh di hotel Palace of The Golden Horses di Seri Kembangan.

Sementara itu, Yang di-Pertuan Agong hari ini menunaikan solat fardu Jumaat di Masjid Negara, di sini.

Seri Paduka yang diiringi anakandanya, pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin, mendengar khutbah khas sempena majlis pertabalan baginda yang disampaikan Imam Dua Masjid Negara, Pirdaus Ismail, sebelum menunaikan solat fardu itu.

Dalam khutbahnya, Pirdaus mengajak muslimin di Malaysia memahami tanggungjawab mereka terhadap raja dan negara seperti dituntut oleh ajaran Islam.

Katanya, orang Islam dituntut mencintai tanah air sendiri, sayang dengan kedaulatannya serta memberikan taat setia sepenuhnya kepada pemimpin.

"Kita hendaklah sanggup mempertahankan setiap inci bumi negara ini daripada dicerobohi musuh negara. Orang yang sayangkan tanah air dan sentiasa memberikan perhatian kepada keselamatan adalah antara tanda orang beriman," katanya.